

21 AUG 1996

Argentina - Lawatan

LAWATAN PRESIDEN ARGENTINA UNTUK TINGKATKAN HUBUNGAN PERDAGANGAN

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Lawatan Presiden Argentina Carlos Menem ke Malaysia mulai esok berupa sebahagian daripada usaha untuk mempertingkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia dan negara Asia yang lain.

Menem, yang baru-baru ini melawat Jepun, China dan Filipina, akan mengetuai kira-kira 50 eksekutif syarikat dari Argentina yang beroperasi dalam sektor meliputi industri berasaskan pertanian dan keluli.

Kedutaan Argentina di sini menyifatkan status hubungan dua hala sekarang sebagai "memberangsangkan".

Perjanjian dua hala mengenai pengangkutan udara dan beberapa memorandum persefahaman termasuk mengenai kerjasama pelancongan dijangka ditandatangani semasa lawatan tiga hari itu.

Syarikat-syarikat Argentina akan meninjau pasaran bagi gandum, makanan dalam tin, buah-buahan dan sayuran, ikan dan produk farmasi di Malaysia.

Pada 1995, Argentina mengeksport barangan bernilai AS\$257.7 juta (kira-kira RM642 juta) ke Malaysia.

Satu daripada aturcara lawatan Menem yang menjadi tumpuan ialah seminar mengenai hubungan antara Asean dan pasaran bersama Amerika Selatan (Mercosur).

Para wakil dari negara-negara Asean akan membincangkan prospek bagi pemupukan hubungan lebih rapat dengan Mercosur yang dianggotai oleh Argentina, Brazil, Paraguay dan Uruguay.

Menem juga dijadualkan menyertai seminar perniagaan sementara Menteri Luarnya Guido Di Tella dijangka mempengerusikan mesyuarat para dilomat Argentiba ke Asia Tenggara dan pemimpin ahli perniagaan.

Selepas tiba esok, Menem dijadualkan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara.

Pada Jumaat, Presiden Argentina itu akan mengadakan rundingan dua hala dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menem juga akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Undang-undang oleh Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau akan berlepas ke Bali, Indonesia pada Sabtu. -- BERNAMA

ES CTL FAZ